

Shamsubahrin simpan salinan semua SMS daripada Mohamad Salleh

DARI MUKA 1

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Shamsubahrin berkata, dia menggunakan telefon bimbitnya bagi membuat dan menyimpan salinan semua SMS yang dihantar dan diterimanya daripada Mohamad Salleh, yang secara automatik disimpan dalam satu e-mel berasingan miliknya.

"Telefon itu sudah diserahkan kepada SPRM sebaik saya ditahan akhir tahun lalu tetapi saya tidak tahu kenapa ia dikembalikan semula se-

lepas pembebasan saya sedangkan semua maklumat ada di dalam telefon bimbit berkenaan," katanya.

Sementara itu, Latheefa berkata pegawai SPRM menyoal Shamsubahrin berhubung SMS antara beliau dengan Mohamad Salleh.

Pada 30 Disember lalu, Shamsubahrin, yang juga Ketua Eksekutif Syarikat Resources Sdn Bhd didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas tuduhan menipu Mohamad Salleh dengan menjanjikan suatu perkhidmatan rundingan dan nasihat yang tidak benar bagi memperdaya mangsa untuk membayar

berjumlah RM250 juta yang

RM1.755 juta antara November hingga awal Disember tahun lalu.

Bagi pertuduhan kedua, Shamsubahrin didakwa menipu dengan memperdaya dan mendorong Mohamad Salleh, yang juga Pengurus Eksekutif NFC, supaya menyerahkan cek berjumlah RM1.755 juta kepadanya di kawasan Solaris Mont Kiara, Kuala Lumpur antara 25 November dan 6 Disember 2011.

Sementara itu, Jawatankuasa Kira-Kira Negara (PAC) mendapati NFCorp masih belum memulakan pembayaran balik pinjaman kerajaan berjumlah RM49.7 juta milik syarikat itu.

Azmi berkata, PAC akan meng-

sepautnya bermula Januari lalu.

Bercakap pada sidang media di bangunan Parlimen selepas mempergerusikan mesyuarat PAC, semalam, Pengurusinya, Datuk Seri Azmi Khalid, berkata memang ada jadual pembayaran balik disediakan tetapi berikutnya kontroversi NFC pembayaran balik belum dibuat lagi.

Pada 12 Mac lalu, Dr Salleh mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas tuduhan pecah amanah membabitkan RM49.7 juta milik syarikat itu.

Azmi berkata, PAC akan meng-

dakan pertemuan dengan pengurusan tertinggi NFCorp di bangunan Parlimen, hari ini, bagi menyiapkan laporan isu berkenaan.

"Siasatan PAC berhubung isu NFCorp tidak bertindih dengan pendakwaan di mahkamah kerana kami memberi penekanan mengenai sistem tawaran dan pemantauan sesebuah projek."

"Kita sedia maklum sesetengah perkara dalam kes ini mungkin subjedis, namun ini bukan kali pertama kita membangkitkan kes sefang dibicarakan di mahkamah," katanya.